

05/10/1998

G7 bimbang tindakan Malaysia dapat sokongan Komanwel

Zulkafly Baharuddin in Washington DC

ADAKAH Malaysia berjaya mendapat sokongan Menteri Kewangan Komanwel terhadap langkah kawalan tukaran asing yang sedang melaksanakan dalam melindungi negara daripada serangan spekulasi mata wang?

Dilihat dari sudut positif, langkah Malaysia itu berjaya menarik perhatian dunia dalam membincangkan kawalan modal. Negara maju dari kumpulan tujuh (G7) bimbang jika langkah kawalan tukaran asing itu menghasilkan kejayaan dan hasilnya dinikmati Malaysia, negara lain yang ditimpa krisis kewangan yang waktu itu hampir dua pertiga dunia mengalaminya, akan mengambil langkah serupa.

Tindakan itu dianggap melangkah ke belakang daripada era pasaran bebas dan liberalisasi pasaran yang sudah menguntungkan dunia dan membawa kemakmuran sejak dua generasi lalu. Malangnya, kemakmuran itu meningkatkan perasaan tamak di kalangan manusia yang mahu melihat keuntungannya lebih berganda tanpa mengkaji kesan tindakan mereka.

Perbincangan mesyuarat dua hari Menteri Kewangan Komanwel yang berakhir di Kanada, Khamis lalu tertumpu kepada kawalan tukaran asing yang dilaksanakan Malaysia yang mahukan sokongan Komanwel. Satu blok 54 negara sokongan itu amat diperlukan Malaysia bagi menghadapi ketidakpercayaan negara G7 dalam mesyuarat bank dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang mula bersidang, Selesa ini.

Dua negara G7 yang menganggotai Komanwel, Britain dan Kanada, dari awal lagi menganggap langkah kawalan tukaran modal Malaysia itu sebagai menentang arus liberalisasi.

Menteri Kewangan Britain, Gordon Brown menegaskan usaha untuk kembali kepada keadaan silam dengan mengenakan sekatan kewangan berupa suatu tindakan tidak realistik dan munasabah.

Brownlah yang menyulitkan usaha Malaysia untuk mendapatkan sokongan bulat Komanwel terhadap langkah kawalan berkenaan. Beliau (Brown) jugalah yang menolak laporan pakar yang diberi mandat untuk mengkaji krisis Asia Timur dan mengemukakan cadangan bagi melindungi negara dari aliran modal yang sentiasa bergolak.

Malaysia mahukan Komanwel sedar bahawa dalam krisis yang serius di Asia Timur, adalah penting untuknya menimbang penggunaan kawalan tukaran asing yang berbentuk pentadbiran atau kawalan pertukaran buat sementara, dengan menyedari risiko jangka panjang berikutan pelaksanaan kawalan itu.

Ayat itu, mengikut Brown, akan menyampaikan mesej negatif yang mungkin memudaratkan pasaran. Difahamkan mesej yang sedemikian tidak akan membawa sebarang tanda positif ketika dunia berada dalam keadaan tenat sekarang yang mana dua pertiga dunia berada dalam keadaan meleset. Ia mungkin akan merebak ke Amerika Latin dan akhirnya Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri kewangan, Datuk Wong See Wah memberitahu Menteri Komanwel yang Malaysia mengakui langkahnya tidak sejajar dengan dasar Orthodox dalam sistem yang pro pasaran. Malaysia sedar kawalan tukaran asing boleh mewujudkan putar-belit yang boleh melemahkan potensi jangka panjang ekonomi.

Bagaimanapun, Malaysia tidak mempunyai banyak pilihan dalam keadaan yang berlawanan. Kata-kata itu bagaimanapun gagal menarik simpati Brown.

Para terakhir dalam draf pernyataan bersama perbincangannya banyak memakan masa hingga melewati mesyuarat pada hari akhir, menyebut "Sementara mengiktiraf, beberapa negara merasakan perlu untuk menimbang memperkenalkan kawalan modal yang bersirikan pentadbiran atau kawalan

tukaran bersifat sementara, tindakan itu bukan pilihan bagi keperluan pembaharuan, dengan mengambil kira risiko jangka panjang.

Menurut sumber yang mengikuti perbincangan, pada pagi hari terakhir mesyuarat, setelah pegawai menyusun ayat hingga awal pagi untuk memuaskan Britain, India dan Barbados di antara lainnya membantah. Mereka menganggap susunan ayat perenggan itu menjatuhkan penghakiman ke atas negara dan merendahkan martabat negara yang bebas untuk bertindak apa yang baik bagi rakyat mereka.

Menteri kewangan India, Yashwant Sinha, memberitahu mesyuarat bahawa jika Britain enggan mengubah ayat itu India mencadangkan digugurkan sahaja perenggan itu. Malaysia sokong Britain terkejut.

Tujuan Britain yang mahukan ayat itu ialah mengutuk tindakan mengawal modal dan mengutuk Malaysia kerana tidak mahu negara lain mengikuti jejak langkah Malaysia jika dasar Malaysia tidak berjaya. Itu sahaja.

Dan Ketiadaan perenggan itu dalam pernyataan bersama tidak memberi peluang kepada Britain dan dunia barat untuk mengutuk kawalan modal yang secara langsung memberi amaran kepada mana-mana negara supaya tidak mengambil langkah itu walaupun sementara.

Menyedari hakikat ini, Britain mahukan perenggan itu diselitkan semula dan ini memberi peluang kepada Malaysia untuk mendapatkan ayat yang lebih menyokong.

Akhirnya, perenggan itu menyebut sementara mengiktiraf, bahawa negara merasakan keperluan untuk menimbang memperkenalkan semula kawalan modal bersirikan pentadbiran atau kawalan tukaran bersifat sementara, tindakan seumpama itu tidak boleh dilihat sebagai alternatif kepada pembaharuan.

Sememangnya langkah Malaysia itu tidak disukai Barat, namun ada kemungkinan Malaysia boleh mendapatkan susunan ayat yang lebih menyokong, memberatkan keadaan ialah isu Anwar Ibrahim yang jelas mendapat simpati negara Barat dan inilah yang menyulitkan usaha Malaysia. Kenyataan menyokong Anwar Ibrahim bertalu-talu dikeluarkan daripada Washington, London dan Ottawa bertujuan mematahkan Malaysia agar melutut kepada siapa yang sebenarnya berkuasa. Tidak mungkin.

Kerana Malaysia tahu G7 kini telah mula sedar apa yang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebut di Hong Kong pada 1997 mengenai kegiatan spekulator yang menjahanamkan negara adalah benar.

Dan kesedaran ini terkandung dalam pernyataan bersama di mana komanwel percaya langkah pendedahan yang lebih telus kegiatan peniaga mata wang dan dana lindung nilai, memberikan peranan yang mereka mainkan dalam mempengaruhi pergerakan mata wang dan harga aset, termasuk kemungkinan memperluaskan sistem daganfan dan kedudukan laporan (kini diamalkan di niaga hadapan), untuk melindungi kegiatan perniagaan mata wang dan dana lindung nilai, perlu diperiksa.

Kebenaran kepada apa yang dikatakan oleh Dr Mahathir kini terbukti dan tindakan Malaysia mengenakan kawalan tukaran juga berjaya menjolok perbincangan ke arah satu sistem kewangan antarabangsa yang lebih baik dan memanfaatkan manusia. Bukankah itu tujuan kepemimpinan membawa manusia kepada kebaikan.

(END)